



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

**SASARAN PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR
BAGI TEMPOH WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA**

Dalam menjelaskan sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dinyatakan di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama, adalah penting untuk memahami dua konsep iaitu ukuran KDNK dalam harga nominal/harga semasa (*current prices*) dan harga malar/harga tetap (*constant prices*).

Pengukuran KDNK dalam harga nominal (atau dalam harga semasa) mengambil kira kesan kadar inflasi. Manakala pengukuran yang sama dalam harga malar (atau dalam harga tetap) tidak mengambil kira kesan kadar inflasi dan oleh itu, mencerminkan peningkatan dalam nilai ditambah/output sebenar.

Lazimnya, nilai KDNK dinyatakan dalam harga nominal manakala kadar pertumbuhan KDNK dinyatakan dalam harga malar.

Perlu ditegaskan bahawa pengiraan saiz KDNK sebanyak RM3.4 trilion adalah pada harga nominal/semasa yang mengambil kira kesan inflasi. Maka, untuk mencapai sasaran nilai KDNK RM3.4 trilion pada tahun 2030, KDNK perlu berkembang pada harga malar 4.7% setahun bagi tempoh 2018 hingga 2030 dengan kadar inflasi purata 2.3% dalam tempoh tersebut. Atau dalam kata lain, sasaran nilai KDNK RM3.4 trilion boleh dicapai dengan pertumbuhan purata pada harga nominal sebanyak 7% setahun bagi tempoh 2018 hingga 2030. Dokumen WKB 2030 jelas membezakan angkubah mengikut kedua pengukuran berkenaan. Ini selari dengan kenyataan yang dibuat oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi sejurus selepas pelancaran WKB 2030 semalam.

WKB 2030 merupakan satu hala tuju baharu negara bagi menangani pelbagai cabaran yang dihadapi dalam tempoh dekad yang akan datang. Adalah penting untuk semua pihak menggembungkan tenaga dan memberi tumpuan ke arah satu objektif yang sama supaya semua lapisan masyarakat akan beroleh kemakmuran dan kejayaan yang dinantikan.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

6 Oktober 2019